

SIJIL ASAS EZI TERM

NO BORANG:

SIJIL ASAS INI diterbitkan dan sah jika Nombor Borang seperti di atas dinyatakan pada Lembaran Maklumat Sijil. **Kami** telah mengeluarkannya di atas pertimbangan Caruman yang berkenaan dengan Sijil Asas.

Kami akan menyediakan manfaat berikut sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, sebagaimana ditakrifkan di bawah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Sijil Asas ini, Peruntukan Am, Peruntukan Caruman dan Peruntukan Hak Milik.

MANFAAT

MANFAAT KEMATIAN (SEMUA SEBAB)

Jika Orang Yang Dilindungi meninggal dunia ketika Sijil Asas ini berkuat kuasa, Kami akan membayar Manfaat Kematian bersamaan dengan Jumlah Dilindungi seperti yang ditunjukkan di dalam Lembaran Maklumat Sijil.

Notis tuntutan bertulis dan bukti kematian hendaklah diberikan kepada Kami secepat yang dapat dilaksanakan. Sijil ini akan tamat selepas Kami membayar Manfaat Kematian.

MANFAAT MATANG

Pada tempoh matang, Sijil ini tidak akan memberi apa-apa manfaat daripada Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP).

PERUNTUKAN ASAS

BUNUH DIRI

Sijil Asas ini tidak memberi perlindungan jika kematian akibat membunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Sijil Asas atau Tarikh Penguatkuasaan Semula atau dari tarikh penambahan Jumlah Muka, yang mana terkemudian, sama ada Orang Yang Dilindungi waras atau sebaliknya.

BUKTI TUNTUTAN

Bukti tuntutan mestilah di serahkan kepada Kami dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh kematian Orang Yang Dilindungi.

PENAMATAN

Sijil Asas ini akan tamat secara automatik:

- Jika Sijil Asas diserahkan, matang atau ditamatkan; atau
- Apabila bayaran penuh dibuat bagi tuntutan dibawah Sijil Asas; atau
- Apabila bayaran penuh dibuat bagi tuntutan dibawah Sijil Tambahan yang menjadi sebahagian daripada Sijil Asas, atau
- Sekiranya apa-apa Caruman yang berkaitan Sijil ini masih tidak dibuat pada akhir Tempoh Ihsan Caruman; atau
- Selepas satu ratus lapan puluh (180) hari dari tarikh luput.

Penamatan Sijil Asas ini tidak akan memberi kesan terhadap mana-mana tuntutan yang timbul sebelum dari tarikh penamatan tersebut.

Kontrak Wakalah ini akan ditamatkan apabila Sijil ini tamat. Namun, Kami berhak untuk menerima Yuran Wakalah bagi servis yang diberikan.

RISIKO DIKECUALIKAN

Sijil ini tidak memberi perlindungan kematian akibat Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau sebarang jangkitan Virus Sistem Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).

SIJIL TAMBAHAN MANFAAT HILANG UPAYA KESELURUHAN DAN KEKAL DIPERBAIKI

NO BORANG:

SIJIL TAMBAHAN INI dikeluarkan sebagai tambahan kepada Sijil Asas dan ia merupakan sebahagian daripada Sijil Asas. Ianya sah sekiranya Nombor Borang yang tertera di atas dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Sijil atau ditambah melalui Endosmen. Kami telah mengeluarkannya dengan mengambilkira Caruman yang berkaitan dengan Sijil Tambahan ini.

Kami akan memperuntukan manfaat berikut jika Orang Yang Dilindungi mengalami Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Sijil Tambahan ini, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Sijil Tambahan ini, Peruntukan Am, Peruntukan Caruman dan Peruntukan Hak Milik.

MANFAAT

1. HILANG UPAYA KESELURUHAN DAN KEKAL (SEMUA SEBAB)

- a. Pembayaran mengikut jumlah dalam Sijil Tambahan ini (termasuk semua Sijil Tambahan Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal Diperbaiki (HUKK) lain yang dikeluarkan oleh Kami pada Orang Yang Dilindungi yang sama, jika ada) adalah terhad kepada jumlah manfaat yang terkandung dalam Lembaran Maklumat Sijil atau Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) mana yang lebih rendah.

Walaubagaimanapun;

Had untuk juvana/pelajar adalah tertakluk kepada perlindungan takaful kehidupan ibubapa dan tidak boleh melebihi Jumlah Dilindungi ibubapa tertakluk kepada:

- i. Jumlah maksima dibenarkan untuk juvana/pelajar adalah sehingga Jumlah Dilindungi ibu atau bapa atau RM 500,000 (mana-mana yang lebih tinggi) tetapi tertakluk kepada nilai maksima RM 1,000,000.
- ii. Semua adik-beradik hendaklah dilindungi dengan jumlah yang sama.

Had untuk suri rumah adalah tertakluk kepada perlindungan takaful kehidupan pasangan dan tidak boleh melebihi Jumlah Dilindungi pasangan tertakluk kepada:

- i. Jumlah maksima dibenarkan untuk suri rumah adalah sehingga Jumlah Dilindungi pasangan atau RM 500,000 tetapi tertakluk kepada nilai maksima RM 1,000,000.

- b. Baki jumlah jika ada bagi Sijil Tambahan ini (dan kesemua Sijil Tambahan HUKK lain pada Orang Yang Dilindungi yang sama, akan dibayar dalam sembilan bayaran tahunan yang sama pada Ulangtahun Sijil berikutnya dan hendaklah tidak melebihi sepuluh kali bayaran. Pembayaran selanjutnya dilakukan dibawah klausa ini, hanya perlu dibayar selama mana Hilang Upaya berterusan, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah ini.

Jumlah manfaat Sijil Asas akan dikurangkan melalui bayaran-bayaran yang dibuat dibawah Sijil Tambahan ini.

Sekiranya semasa Hilang Upaya, dimana bayaran-bayaran dibuat seperti klausa (b) di atas:

- a. Apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, Kami akan membayar baki sehingga jumlah Sijil Asas, jika ada;
- b. Orang Yang Dilindungi masih hidup ketika Sijil Asas matang atau tamat, Kami akan membayar baki jumlah Sijil Tambahan ini, jika ada, dan baki manfaat matang dibawah Sijil Asas, jika berkenaan, tertakluk kepada terma dan peruntukan Sijil Asas.

DEFINISI

HILANG UPAYA KESELURUHAN DAN KEKAL

Untuk tujuan tuntutan di bawah Sijil Tambahan ini, definisi 'Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal' adalah seperti berikut:

- a. Hilang Upaya yang semasa ia bermula atau pada sebarang masa selepasnya, tiada sebarang pekerjaan, jawatan atau profession yang mampu dilakukan atau ikuti oleh Orang Yang Dilindungi bagi menerima atau mendapat sebarang upah, pampasan atau keuntungan.
atau
- b. Terjadi mana-mana yang berikut:
 - i. Hilang penglihatan kedua-dua mata secara menyeluruh yang tidak boleh sembuh; atau
 - ii. Hilang dua (2) anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau
 - iii. Hilang penglihatan secara menyeluruh sebelah mata serta hilang satu anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya Orang Yang Dilindungi pada masa hilang upaya adalah tidak bekerja atau seorang suri rumah, definisi 'Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal' adalah seperti berikut:

- a. Klausula (b) di atas;
atau
- b. Orang Yang Dilindungi hilang upaya untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian yang berikut:
 - i. Tukar kedudukan - Duduk & bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal;
 - ii. Pergerakan - Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal;
 - iii. Kontinens - Keupayaan untuk mengawal keinginan membuang air besar dan kecil bagi menjaga kebersihan diri;
 - iv. Salin pakaian - Memakai dan menanggalkan segala pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain;
 - v. Mandi/Membersihkan Diri - Keupayaan untuk mandi dalam basin mandi atau bilik air (termasuk keluar masuk basin mandi atau bilik air) atau membersihkan diri dengan sebarang cara lain;
 - vi. Makan - Segala tugas untuk mengambil dan menyuap sendiri makanan selepas ia disediakan.

Hilang Upaya seperti ditakrifkan di atas mestilah berterusan selama tidak kurang daripada enam (6) bulan dan sekiranya ia masih kekal selepas itu maka ia diakui sebagai Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal untuk tujuan Sijil Tambahan ini, liabiliti Kami akan berkuat kuasa dari tarikh bermulanya Hilang Upaya.

SIJIL TAMBAHAN hendaklah bermaksud Sijil Tambahan Manfaat Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal ini.

PERUNTUKAN TAMBAHAN

NOTIS TUNTUTAN

Notis tuntutan bertulis mestilah diberikan kepada Kami dalam jangka masa enam (6) bulan selepas tarikh bermulanya Hilang Upaya tersebut. Kegagalan untuk memberikan notis dalam masa tersebut tidak akan membatalkan mana-mana tuntutan, sekiranya dapat dibuktikan notis tersebut tidak mungkin dapat dikemukakan dan notis berkenaan telah diserahkan dengan kadar secepat yang munasabah mungkin.

MEMFAILKAN BUKTI HILANG UPAYA

Bukti Hilang Upaya mestilah di kemukakan kepada Kami semasa hayat Orang Yang Dilindungi.

BUKTI HILANG UPAYA BERTERUSAN

Walaupun bukti Hilang Upaya yang memuaskan telah Kami terima, Kami boleh meminta Orang Yang Dilindungi membenarkan doktor yang dilantik oleh Kami menjalankan pemeriksaan ke atas Orang Yang Dilindungi pada kadar tempoh masa yang munasabah untuk membuktikan berterusan Hilang Upaya.

Jika Orang Yang Dilindungi gagal mengemukakan bukti tersebut, atau jika beliau menjadi mampu melakukan apa-apa pekerjaan atau terlibat dalam apa-apa jawatan atau profession untuk menerima atau mendapatkan apa-apa upah, pampasan atau keuntungan, atau sekiranya Orang Yang Dilindungi mampu melakukan mana-mana Aktiviti Kehidupan Harian, maka bayaran Pembayaran Pendahuluan hendaklah dihentikan. Semua Tabarru' yang kena dibayar setelah berlaku mana-mana peristiwa tersebut hendaklah dibayar tertakluk kepada terma Sijil Asas, berdasarkan dengan jumlah Takaful dikurangkan bersamaan dengan jumlah Pembayaran Pendahuluan yang telah dibayar, sekiranya berkenaan.

PENAMATAN

Sijil Tambahan akan tamat secara automatik:

- Jika Sijil Asas diserahkan, matang atau ditamatkan; atau
- Pada hari ulangtahun Sijil sebaik sahaja selepas Orang Yang Dilindungi mencapai usia enam puluh lima (65) tahun; atau
- Apabila bayaran penuh keatas tuntutan di bawah Sijil Tambahan ini dibuat; atau
- Apabila bayaran penuh keatas tuntutan di bawah Sijil Asas dibuat dimana Sijil Tambahan ini disertakan.

Penamatan Sijil Tambahan ini tidak akan memberi kesan terhadap mana-mana tuntutan yang timbul sebelum dari tarikh penamatan tersebut.

SEKATAN

- Jika pada ketika Sijil Tambahan ini dikeluarkan Orang Yang Dilindungi telah mencapai usia lima puluh satu (51) tahun dan keatas, maka Sijil Tambahan ini hendaklah terbatal dan tidak mempunyai nilai;
- Pelan Sijil Asas, atau mod Caruman tidak boleh ditukar semasa Hilang Upaya berterusan;
- Jika tuntutan dibuat untuk Sijil Tambahan ini, kesemua Sijil Tambahan yang dilampirkan bersama Sijil Asal ini turut ditamatkan.

RISIKO TERKECUALI

Sijil Tambahan ini tidak akan melindungi kematian akibat kemalangan atau kecederaan secara langsung atau tidak langsung, sebahagian atau keseluruhan, oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung atau apa-apa tindakan oleh **Orang Yang Dilindungi** bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera;
- Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuclear;
- Melanggar atau cubaan melanggar undang-undang atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi;
- Penyalahgunaan alkohol dan / atau pengambilan dadah;
- Penerbangan, luncur udara atau lain-lain bentuk penerbangan udara selain daripada sebagai juruterbang, krew kabin atau sebagai penumpang yang membayar tambang melalui syarikat penerbangan yang diiktiraf atau dalam penerbangan berjadual;
- Menyertai atau berkursus untuk sebarang sukan yang berbahaya atau menyertai pertandingan atau menunggang dalam mana-mana perlumbaan atau pertandingan;
- Penglibatan dalam aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan alat-alat pemaafasan;
- Perkhidmatan tentera pada masa peperangan yang diisytihar atau tidak atau semasa berada di bawah arahan untuk operasi berupa peperangan atau pemulihan pemerintahan awam;
- AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau infeksi Virus Human Immunodeficiency (HIV) atau penyakit berkaitan;
- Memasuki, mengendali atau berkhidmat, naik atau turun, dari atau dengan mana-mana pesawat udara atau kenderaan kecuali semasa **Orang Yang Dilindungi** berada di dalam penerbangan awam komersial yang mengikut jadual perjalanan biasa di laluan penumpang tetap atau dalam penerbangan komersial tidak berjadual atau kenderaan udara tentera.

DEFINISI

NO BORANG:

KEMALANGAN bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa dan tertentu yang terjadi pada masa dan tempat yang dikenal pasti, yang hendaklah, tanpa bergantung pada sebab-sebab lain, menjadi satu-satunya sebab bagi kecederaan anggota badan.

UMUR bermaksud umur Orang Yang Dilindungi pada tarikh lahir akhir yang ditentukan daripada Tarikh Permulaan.

UMUR YANG DICAPAI bermaksud umur Orang Yang Dilindungi ditambah dengan bilangan Tahun Sijil dari Tarikh Permulaan.

TARIKH BIL bermakna tarikh di mana pemberitahuan bil berkala akan dimulakan. Tarikh Bil pertama dinyatakan di dalam Lembaran Maklumat Sijil.

TARIKH PERMULAAN bermaksud tarikh di mana manfaat-manfaat yang dilindungi di dalam Sijil ini bermula.

CARUMAN bermaksud Caruman yang dibuat oleh Peserta.

TAHUN SIJIL bermaksud tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Sijil, atau tempoh satu (1) tahun dari Sijil Pembaharuan atau Yang Telah Diperbaharui.

JUMLAH MUKA bermaksud had tahunan yang perlu dibayar apabila kejadian yang dilindungi berlaku.

HIBAH bermaksud persetujuan di mana Peserta membuat cadangan Hibah semasa memasuki kontrak Takaful dengan memberi penamaan manfaat takaful kepada pihak atau orang yang dimaksudkan sekiranya berlaku peristiwa yang telah dipersetujui.

MATANG bermaksud tarikh apabila perlindungan ke atas Peserta akan luput atau matang.

PESERTA bermaksud seseorang atau organisasi yang diterangkan dalam Lembaran Maklumat Sijil yang merupakan Pemilik Sijil.

AKAUN PELABURAN RISIKO PESERTA (APRP) bermakna akaun pegangan Peserta yang mana potongan Tabarru' dari APP akan dikreditkan. Semua manfaat, kecuali manfaat Serahan dan manfaat Matang, seperti yang dinyatakan dalam Sijil ini akan dibayar dari dana ini. Jika APRP secara menyeluruh mengalami defisit, Kami akan menguruskan untuk Qard. Qard akan dibayar balik apabila APRP kembali kepada kedudukan yang positif dan sebelum lebih bersih dibahagikan.

ORANG YANG DILINDUNGI bermaksud seseorang seperti yang diterangkan dalam Lembaran Maklumat Sijil di mana ke atasnya Pemilik Sijil telah memberi perlindungan tertakluk kepada hubungan yang sah antara kedua-dua belah pihak di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Undang-Undang Terpakai.

QARD bermaksud pinjaman kebajikan disediakan oleh Kami jika berlaku defisit dalam Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP).

TARIKH PENGUATKUASAAN SEMULA bermaksud tarikh permohonan Anda untuk penguatkuasaan semula diluluskan oleh Kami.

TABARRU' bermakna sumbangan dan dalam Takaful ia akan berkuat kuasa apabila Peserta mencarum sejumlah wang ke APRP berdasarkan kontrak sumbangan.

TAKAFUL bermaksud satu persetujuan yang berdasarkan bantuan bersama di mana para Peserta saling bersetuju untuk memberi sumbangan terhadap satu dana yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada Peserta atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.

YURAN WAKALAH bermaksud yuran yang dikenakan oleh Kami sebagai Pengendali Takaful bagi menguruskan segala operasi dalam perniagaan Takaful.

WAKALAH bermaksud suatu konsep Syariah di mana ejen akan dilantik bagi menjalankan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, ia bermakna Kami, Zurich Takaful Malaysia Berhad, dilantik sebagai pengurus untuk menguruskan urusan Takaful bagi pihak Peserta dengan caj Yuran Wakalah yang telah dipersetujui. Jika Kami didapati melakukan kesalahan dalam tindakan (ta'addi), lalai (taqsir), atau melanggar syarat tertentu (mukhalafah al-shurut), Kami akan bertanggungjawab dan akan memberi pampasan bagi kerugian atau kerosakan termasuk kos yang ditanggung Peserta.

KAMI bermaksud Zurich Takaful Malaysia Berhad.

ANDA bermaksud Pemilik Sijil ini.

Dalam Sijil ini di mana sesuai dengan isi kandungannya, bentuk tunggal merangkumi bentuk jamak dan bentuk jamak merangkumi bentuk tunggal, kata-kata yang membawa maksud jantina maskulin merangkumi jantina feminin dan jantina feminin merangkumi jantina maskulin, kecuali jika sebaliknya dikehendaki oleh konteks.

Versi Bahasa Inggeris akan digunapakai sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau kekeliruan akibat penterjemahan ke Bahasa Malaysia, sekiranya ada.

PERUNTUKAN AM

NO BORANG:

SIJIL

Sijil ini adalah berdasarkan Caruman yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Sijil dan tertakluk kepada:

- a) jawapan yang diberikan oleh Anda dan / atau Orang Yang Dilindungi dalam borang permohonan Anda atau mana-mana soal selidik yang berikutnya yang Kami sediakan mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan permohonan Anda dan sebarang pendedahan yang Anda berikan dari tempoh masa permohonan Anda diserahkan sehingga Sijil ini dimeterai; dan
- b) laporan perubahan dan mana-mana laporan dan soal selidik lain (secara keseluruhannya dirujuk sebagai 'maklumat berkenaan').

Dan maklumat berkenaan sedemikian akan menjadi asas kepada Sijil Takaful antara Anda dan Kami. Sekiranya terdapat salah nyata sebelum kontrak yang dimeterai berkaitan dengan maklumat berkenaan sedemikian, hanya re-remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai dengan sewajarnya.

Sebelum Sijil ini diperbaharui atau diubah, sekiranya Kami memerlukan Anda, untuk menjawab apa-apa soalan atau jika Anda diminta untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah Anda nyatakan kepada Kami berkaitan dengan Sijil ini, adalah menjadi kewajipan Anda untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak memberi apa-apa salah nyata apabila menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa kenyataan yang terdahulu.

Anda mesti memaklumkan Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada maklumat yang Anda berikan dalam jawapan Anda atau berkenaan mana-mana kenyataan terdahulu yang diberi kepada Kami berkenaan dengan Sijil jika perubahan tersebut berlaku selepas Anda telah mengemukakan permohonan untuk pembaharuan/perubahan tetapi sebelum Sijil diperbaharui atau diubah.

PRASYARAT LIABILITI

Liabiliti Kami adalah tertakluk kepada Anda dalam pengamatan, memenuhi dan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini.

PENIPUAN DAN SALAH NYATA

Jika Sijil ini, atau pembaharuannya diperolehi melalui pemalsuan atau salah nyata samada misrepresentasi atau pemberantasan, atau jika tuntutan yang dibuat palsu atau berlebihan, hanya remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

TEMPOH BERTENANG

Jika Anda tidak berpuas hati sepenuhnya dengan Sijil ini, Anda boleh membatalkannya dengan memberitahu Kami secara bertulis dalam masa lima belas (15) hari daripada tarikh penghantaran Sijil ini. Kami akan mengembalikan Caruman penuh yang dibuat selepas menolak kos perubahan yang dibayar oleh Kami.

TAHUN SIJIL DAN ULANGTAHUN

Tahun Sijil dan ulangtahun akan ditentukan dari Tarikh Permulaan Sijil seperti yang dipaparkan pada Lembaran Maklumat Sijil atau Endosmen.

TEMPOH PERLINDUNGAN DAN PEMBAHARUAN

Tarikh berkuat kuasa Sijil ini adalah Tarikh Permulaan mengikut tarikh yang dinyatakan pada Lembaran Maklumat Sijil. Ulangtahun Sijil adalah satu (1) tahun selepas tarikh berkuat kuasa dan setiap tahun berikutnya. Pada setiap ulangtahun, pembaharuan Sijil ini adalah dijamin pada kadar Caruman yang berkuat kuasa pada masa itu seperti yang dimaklumkan oleh Kami.

Caruman pembaharuan adalah tidak dijamin dan Kami berhak menyemak semula kadar Caruman tersebut pada masa pembaharuan dengan memberi notis bertulis dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh ulangtahun Sijil berserta surat notifikasi merangkumi sebab perubahan kepada Peserta. Kadar semakan Caruman adalah terpakai untuk semua Peserta tanpa mengambil kira rekod tuntutan mereka berdasarkan penilaian risiko Kami. Walaubagaimanapun, Sijil ini tidak boleh dibatalkan oleh Kami melainkan berlaku mana-mana yang berikut:

- a. Caruman tidak dibuat mengikut masa ditetapkan;
- b. penipuan atau salah nyata fakta penting semasa membuat permohonan;
- c. Sijil dibatalkan atas permintaan Anda; atau
- d. Orang Yang Dilindungi mencapai had umur perlindungan yang ditetapkan.

MODIFIKASI

Semua kenyataan yang dibuat oleh Anda di dalam Borang Permohonan atau seumpamanya tidak boleh diubah kecuali dengan endosmen kepada Sijil ini dan dipersetujui dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Kami. Komunikasi dari Anda kepada Kami hendaklah dibuat secara bertulis.

PINDAAN

Peruntukan-peruntukan Sijil ini tidak boleh dihapuskan atau dipinda oleh Kami melainkan dengan surat notifikasi merangkumi sebab perubahan serta Endosmen terhadap Sijil dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Kami dengan notis tiga (3) bulan secara bertulis. Perubahan tersebut akan berkuatkuasa bermula dari tarikh pembaharuan berikutnya bagi Sijil ini.

UMUR DAN JANTINA

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan usia pada hari lahir terakhir yang tertera di Lembaran Maklumat Sijil. Jika dibuktikan bahawa usia atau jantina telah disalah nyata atau dokumentasikan, jumlah yang berbayar dan setiap manfaat akan disemak semula. Jika pada usia sebenar Orang Yang Dilindungi atau Peserta tidak memenuhi syarat layak untuk Sijil ini, tiada manfaat akan dibayar.

BUKTI UMUR

Kami boleh meminta bukti umur pada bila-bila masa. Jika umur tidak disahkan oleh salinan kad pengenalan, pembuktian umur adalah perlu sebelum pembayaran manfaat-manfaat Sijil ini dapat dibuat.

PERUBAHAN DALAM RISIKO

Anda hendaklah memberi notis bertulis dengan segera kepada Kami tentang sebarang perubahan penting keatas Orang Yang Dilindungi mengenai pekerjaan, perniagaan, tugas-tugas, gaya hidup atau hobi dimana Orang Yang Dilindungi perlu membuat Caruman tambahan yang mungkin Kami kehendaki.

PENGUATKUASAAN SEMULA

Sekiranya Sijil ini telah luput akibat Caruman tertunggak selepas berakhirnya Tempoh Ihsan Caruman, ia boleh dikuatkuasakan semula dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari dari tarikh luput tertakluk pada:

- a. Satu permohonan penguatkuasaan semula di buat secara bertulis;
- b. Deklarasi kesihatan yang memuaskan di sampaikan kepada Kami;
- c. Semua Caruman tertunggak dari tarikh luput dibuat dan yuran penguatkuasaan semula seperti di LAMPIRAN 1.

Kami hanya bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan yang terjadi selepas penguatkuasaan semula tertakluk kepada peruntukan Sijil ini.

PEMBATALAN

Sijil ini boleh dibatalkan oleh Anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada Kami. Walau bagaimanapun, tidak akan ada pengembalian Caruman atas pembatalan Sijil. Perlindungan akan diteruskan sehingga tarikh Caruman perlu dibuat seterusnya.

NOTIS TUNTUTAN

Sekiranya berlaku kematian, notis hendaklah disampaikan kepada Kami dengan segera. Notis yang diserahkan oleh atau bagi pihak Orang Yang Dilindungi dianggap telah diberi kepada Kami jika ia mengandungi butir-butir yang mencukupi untuk mengenal pasti Orang Yang Dilindungi.

BUKTI TUNTUTAN

Kami akan menyediakan borang penyerahan bukti tuntutan dalam masa lima belas (15) hari selepas menerima notis tuntutan. Kegagalan Kami berbuat demikian, notis tuntutan tersebut dianggap telah memenuhi syarat-syarat tuntutan ini.

SUBROGASI

Sekiranya Kami dipertanggungjawabkan untuk pembayaran di bawah Sijil ini, Kami akan mengagihkan bayaran berkaitan yang menjadi hak dan remedi Orang Yang Dilindungi kepada mana-mana pihak yang dianggap layak dengan kos yang ditanggung oleh Kami sendiri untuk memulakan prosiding pendakwaan bagi pihak Orang Yang Dilindungi. Anda dan Orang Yang Dilindungi dikehendaki memberikan apa-apa bantuan yang sepatutnya di dalam kemampuan Anda dan Orang Yang Dilindungi sepertimana yang Kami perlukan untuk menjamin hak dan remedi tersebut. Atas permintaan Kami juga, Orang Yang Dilindungi hendaklah melaksanakan semua dokumen bagi membolehkan Kami mengambil tindakan guaman secara berkesan bagi pihak Orang Yang Dilindungi.

TIDAK BOLEH TANDING

Sijil ini tidak boleh ditandingi oleh Kami setelah ia berkuat kuasa untuk tempoh dua (2) tahun dari tarikh dikeluarkan atau penguatkuasaan semula Sijil Asas atau Sijil Tambahan (jika ada) kecuali caruman tidak dibuat atau ada unsur penipuan.

RISIKO DIKECUALIKAN

Sijil ini tidak melindungi Manfaat Kematian disebabkan kematian akibat bunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Sijil ini atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, mana-mana yang terkemudian, samada Orang Yang Dilindungi adalah waras atau tidak. Sijil ini akan terbatal.

Sijil ini tidak akan melindungi mana-mana Manfaat Kematian akibat penagihan atau penyalahgunaan dadah, penyalahgunaan alkohol, penyakit kelamin berjangkit, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau penyakit berkaitan Sindrom Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang, perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau

pengganas, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan atau kekecohan awam atau daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki).

UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan tertakluk dan dikawal oleh undang-undang yang digunakan di Malaysia.

AKAUN PELABURAN RISIKO PESERTA (APRP)

Anda bersetuju bahawa Caruman akan diperuntukkan ke dalam Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP) sebagai Tabarru', yang mana akan digunakan untuk membayar manfaat kepada Peserta apabila terjadi perkara-perkara yang dilindungi oleh Sijil masing-masing. Anda juga bersetuju untuk membenarkan Kami menolak Yuran Wakalah terlebih dahulu sepertimana yang diterangkan lebih lanjut di dalam LAMPIRAN 1.

Kami mengurus dan melabur dana Tabarru' (APRP) berasaskan prinsip Syariah yang diluluskan Jawatankuasa Syariah Kami Pada akhir Tahun Kewangan, jika APRP mempunyai lebih bersih, sebanyak 50% lebih akan dibayar kepada Kami berdasarkan kontrak Ju'alah, dan 50% akan dikongsi dengan semua Peserta sebagai Hibah daripada APRP, dengan syarat Peserta tersebut belum membuat sebarang tuntutan dan/atau tidak menerima sebarang manfaat daripada sebarang jenis perlindungan di bawah Sijil ini semasa ia berkuat kuasa.

Semua manfaat yang dibayar dari APRP adalah dijamin. Jika baki dalam APRP tidak mencukupi untuk membayar manfaat Takaful kepada Peserta-Peserta, Kami akan menampung kekurangan di dalam APRP di bawah prinsip Qard (pinjaman kebajikan) dengan syarat jumlah yang tidak mencukupi tersebut bukan disebabkan oleh kecuaiannya Kami. Jika jumlah yang tidak mencukupi dalam APRP adalah disebabkan oleh kecuaiannya Kami, Kami akan membuat pemindahan langsung bagi mengatasi kekurangan tersebut.

Tahun Kewangan bermaksud 31hb Disember pada setiap tahun.

TAKAFUL SEMULA

Kami mempunyai budi bicara untuk mendapatkan takaful semula yang mencukupi daripada mana-mana sumber yang difikirkan sesuai untuk kepentingan Peserta.

MAKLUMAT DAN SYARAT DAN KONDISI YANG BERHUBUNG DENGAN PERTUKARAN MAKLUMAT AUTOMATIK ANTARABANGSA UNTUK TUJUAN CUKAI DAN PEMATUHAN CUKAI PELANGGAN

Berhubung dengan keperluan undang-undang dan pengawalseliaan mengenai pertukaran maklumat antarabangsa untuk tujuan cukai, termasuk Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) Amerika Syarikat dan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengannya, Kami dikehendaki untuk menetapkan prosedur semakan yang tertentu untuk mengenal pasti pemastautin cukai bagi orang tertentu yang berkaitan dengan Sijil. Untuk mematuhi kewajipan ini, Peserta dan mana-mana orang yang berhak untuk mendapatkan nilai tunai, menukar penerima manfaat/waris atau melakukan tindakan lain yang berkaitan dengan Sijil seperti yang diuraikan oleh undang-undang (bersama dalam Fasal ini, untuk dirujuk sebagai "Peserta") mestilah atas permintaan Kami, memberikan Kami pengesahan diri yang tepat mengenai bidang kuasa atau bidang-bidang kuasa di mana Peserta adalah pemastautin cukai dan, jika berkenaan, bertindak balas kepada permintaan Kami untuk bukti dokumen dan nombor pengenalan pembayar cukai atau yang setaraf seperti yang diminta di bawah peraturan yang berkaitan.

Selaras dengan undang-undang yang berkenaan, Kami akan melaporkan maklumat tertentu secara berkala mengenai Peserta-Peserta, termasuk nama dan alamat, tarikh lahir, tempat lahir dan butiran kewangan yang berkaitan dengan Sijil kepada pihak berkuasa cukai yang bersesuaian atau pihak berkuasa lain yang ditetapkan oleh undang-undang.

Jika Peserta berpindah ke negara lain dan / atau jika pemastautin cukai mana-mana Peserta berubah atau berbeza daripada maklumat yang disahkan diri berkenaan pemastautin cukai atau dalam dokumentasi yang disediakan berkaitan dengan Sijil, Peserta yang memberikan pengesahan diri atau dokumentasi tersebut mestilah memberi notis bertulis kepada Kami sebelum perubahan itu tetapi tidak melebihi 30 HARI ATAU TIDAK KURANG DARIPADA BILANGAN HARI YANG DITETAPKAN OLEH UNDANG-UNDANG BAGI PERUBAHAN SEDEMIKIAN.

Sila ambil perhatian bahawa sekiranya Anda berpindah ke negara lain, Anda tidak lagi layak membuat Caruman ke dalam Sijil Anda atau membuat sebarang keputusan pelaburan yang berkaitan dengan Sijil Anda. Undang-undang tempatan dan peraturan bidang kuasa di tempat Anda pindah boleh menjejaskan keupayaan Kami untuk memberi perkhidmatan kepada Sijil Anda mengikut terma dan syarat. Oleh itu, Kami berhak untuk mengambil langkah-langkah yang Kami fikirkan sesuai, termasuk berhak untuk membatalkan atau menamatkan Sijil DENGAN SEGERA ATAU DENGAN TEMPOH NOTIS BERDASARKAN BILANGAN MINIMUM HARI YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG.

Jika Sijil ini dipindahkan / dibuat penyerahan hak kepada Peserta baru atau Peserta baru ditambahkan ke Sijil ini, Peserta asal mestilah memberikan Kami notis bertulis terlebih dahulu tentang perubahan tersebut kepada Sijil. Setiap Peserta baru atau tambahan mestilah DENGAN SEGERA ATAU DENGAN BILANGAN HARI YANG MINIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG membalas kepada permintaan Kami untuk memberi pengesahan diri yang tepat mengenai bidang kuasa atau bidang-bidang kuasa di mana Peserta baru / tambahan adalah pemastautin cukai, dan membalas kepada permintaan Kami untuk bukti dokumen dan nombor pengenalan pembayar cukai atau setaraf. Tambahan bagi tindakan yang dinyatakan di sini, kegagalan untuk memberi Kami notis atau memberikan Kami maklumat yang diminta sepenuhnya boleh menjejaskan hak Peserta di bawah Sijil ini atau menyebabkan penamatan Sijil.

Kami membuat pembayaran untuk Sijil ini seperti pembayaran akibat kematangan Sijil, penyerahan separa atau penuh, hanya kepada Peserta atau penerima manfaat/waris yang dinyatakan dalam dokumen kontrak yang berkaitan. Bayaran ini hanya boleh dilakukan melalui pemindahan dalam talian dan ke dalam akaun bank atas nama Peserta atau penerima manfaat/waris tersebut yang terletak di bidang kuasa yang sama seperti Peserta atau, sebagaimana yang berkenaan, taraf mastautin (cukai) bagi penerima manfaat/waris. Pengecualian kepada sekatan-sekatan ini adalah tertakluk kepada budi bicara Kami dan selepas menilai fakta dan keadaan. Dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan melaksanakan pembayaran tunai kepada Sijil penduduk Amerika Syarikat.

Atas permintaan Kami dan berdasarkan petunjuk bahawa pengesahan diri atau taraf mastautin cukai yang paling terkini tidak lagi dapat dipercayai atau tidak tepat, Peserta mesti dengan SEGERA ATAU DENGAN BILANGAN MINIMUM HARI YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG memberi pengesahan diri yang baru dan dokumen sokongan lain mengikut permintaan Kami.

Kami berhak untuk mengambil apa-apa langkah yang Kami anggap sesuai, termasuk hak untuk tidak melaksanakan arahan pembayaran sehingga Kami telah menerima semua maklumat dan dokument yang mencukupi, atau untuk membatalkan Sijil, DENGAN SEGERA ATAU DENGAN NOTIS BILANGAN HARI YANG MINIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, sekiranya Kami mendapati bahawa Peserta dan/ atau benefisiari memberikan pengesahan diri yang salah, sebarang maklumat atau dokument lain yang disediakan berkaitan dengan prosedur pengenalpastian dan semakan adalah tidak tepat atau tidak lengkap atau Peserta tidak memberikan Kami pengesahan diri atau maklumat lain mengikut permintaan Kami dalam masa tindak balas yang dinyatakan dalam permintaan Kami.

Kegagalan untuk memberi maklum balas yang sepenuhnya kepada permintaan Kami dalam tempoh masa yang diberikan boleh menyebabkan laporan maklumat mengenai Peserta kepada pihak berkuasa cukai yang berkenaan atau pihak berkuasa yang lain.

Kami tidak memberikan sebarang nasihat cukai. Apa-apa maklumat yang berkaitan dengan undang-undang dan peraturan cukai yang diguna pakai hanya bersifat umum. Sijil ini direka untuk Peserta yang bermastautin di Malaysia. Jika Anda mengambil keputusan untuk tinggal di luar Malaysia selepas Sijil ini diterbitkan, dan jika Anda mempunyai pertanyaan atau ingin menerima maklumat tambahan berkenaan dengan mana-mana peruntukan yang dinyatakan di atas, Kami mencadangkan Anda untuk mendapatkan nasihat yang tidak berat sebelah.

Kami menolak sebarang tanggungjawab atau tidak mengambil tanggungjawab untuk sebarang masalah pencukaian yang mungkin timbul berkenaan dengan Sijil Anda dan/atau apa-apa pembayaran yang dibuat di bawah Sijil Anda akibat daripada perubahan negara pemastautin.

Kontrak Takaful Anda telah disimpulkan berdasarkan pada keperluan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa dan terpakai pada masa dimuktamadkan. Sekiranya keperluan perundangan dan pengawalseliaan mandatori yang terpakai bagi Sijil ini berubah, khususnya jika Anda mengubah negara kediaman Anda, dan akibatnya Kami tidak dapat terus melaksanakan kontrak tanpa potensi kesan buruk material kepada Kami, untuk memenuhi perubahan undang-undang dan keperluan pengawalseliaan Kami berhak untuk mengubahsuai terma dan syarat kontrak seperti yang Kami anggap sesuai mengikut budi bicara Kami sendiri dan tanpa persetujuan Anda, atau untuk menamatkan Sijil.

Kami akan memaklumkan terlebih dahulu kepada Anda pada bila-bila masa yang sesuai mengenai perubahan dalam terma dan syarat kontrak. Sekiranya berlaku penamatan Sijil, Kami akan menghantar notis penamatan dan kontrak akan ditamatkan mengikut notis penamatan.

Kami menolak sebarang tanggungjawab atau tidak mengambil tanggungjawab ke atas sebarang kos yang ditanggung oleh, atau liabiliti yang dikenakan ke atas Peserta akibat tindakan Kami dalam mematuhi keperluan berkenaan dengan pengenalpastian, semakan atau laporan maklumat yang berkaitan dengan Peserta untuk tujuan cukai.

SEKATAN

Semua urusanniaga kewangan adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan. Kami tidak akan memberikan Anda sebarang perkhidmatan atau manfaat termasuk tetapi tidak terhad kepada penerimaan Caruman yang dibuat, pembayaran tuntutan dan pembayaran balik yang lain, sekiranya dengan berbuat sedemikian Kami melanggar undang-undang dan peraturan sekatan perdagangan yang berkenaan.

Kami boleh menamatkan Sijil jika Kami menganggap Anda atau pengarah atau pegawai Anda sebagai orang yang disekat, atau Anda menjalankan aktiviti yang disekat, mengikut undang-undang dan peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi.

PENAMAAN

Penamaan bermaksud proses melantik seorang atau lebih penerima manfaat Takaful sekiranya berlaku kematian Peserta dan ianya boleh dilakukan pada bila-bila masa selepas Sijil ini dikeluarkan. Penama adalah bersyarat dan boleh dibatalkan oleh Peserta pada bila-bila masa sepanjang tempoh takaful dan hanya akan berkuatkuasa dari tarikh kami terima notis bertulis.

Penama adalah orang yang dilantik untuk menerima manfaat Takaful sama ada sebagai Penerima (Penerima yang dihasratkan) atau sebagai Wasi (pelaksana).

Penama yang dilantik sebagai Penerima, akan menerima manfaat Takaful secara kontrak Hibah Bersyarat, dan perolehan Takaful yang tertulis di bawah kontrak ini adalah dikecualikan daripada undang-undang perwarisan yang sedia ada.

Penama yang dilantik sebagai Wasi mesti mencapai umur lapan belas (18) tahun dan akan menerima manfaat Takaful sebagai pentadbir. Wasi bertanggungjawab untuk mengagihkan manfaat Takaful berdasarkan Undang-Undang Pusaka Islam (faraid) atau Akta Pengagihan.

Bayaran manfaat Takaful adalah berdasarkan kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

CUKAI

Semua Caruman dan yuran yang perlu dibuat di bawah Sijil ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan Zurich Takaful Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada Peserta sebagai tambahan kepada Caruman dan/atau caj yang perlu dibuat di bawah Sijil ini.

PERUNTUKAN HAK MILIK

NO BORANG:

HAK MILIK

Kami hanya mengiktiraf Anda sebagai pemilik mutlak, seperti yang dijelaskan sebagai Peserta pada Halaman Maklumat Sijil kecuali pertukaran pemilikan dibuat oleh suatu Endosmen. Selama mana Orang Yang Dilindungi masih hidup, hanya Anda yang boleh melaksanakan semua hak, keistimewaan dan pilihan yang di peruntukan dalam Sijil ini. Mana-mana transaksi antara Anda dan Kami adalah sah tanpa notis kepada atau memerlukan keizinan Orang Yang Dilindungi. Sekiranya Anda meninggal dunia dahulu sebelum Orang Yang Dilindungi, hak tersebut akan diberikan kepada wakil sah Anda. Namun, ia tertakluk pada hak mana-mana penerima hak yang tercatat dalam rekod.

PERUBAHAN HAK MILIK

Semasa Orang Yang Dilindungi masih hidup, dan semasa Sijil ini masih berkuat kuasa, Anda boleh menukar hak milik Sijil ini dengan mengfailkan notis bertulis yang sewajarnya kepada Kami.

Pertukaran pemilik akan berkuat kuasa dari tarikh Kami menerima notis bertulis dalam jangka masa yang munasabah, samada Orang Yang Dilindungi masih hidup ataupun tidak pada masa urusan ini direkod dan endosmen dibuat.

PENYERAHAN HAK

Semasa Sijil ini masih berkuat kuasa, Anda boleh serah hak Sijil ini termasuk Sijil Asas dan semua Sijil Tambahan, kecuali yang ditentukan sebaliknya dalam setiap Sijil Tambahan. Anda perlu menghantar notis bertulis sewajarnya kepada Kami.

Kami hendaklah tidak dianggap mempunyai pengetahuan tentang mana-mana penyerahan hak ini kecuali notis asal atau salinan telah dihantar dan diterima oleh Kami. Kami tidak bertanggungjawab atas kesahihan atau kesempurnaan mana-mana penyerahan hak.

PENAMA

Penama (atau penama-penama) adalah seperti yang dinyatakan oleh Anda dalam borang penamaan, kecuali diubah kemudiannya yang sesuai dengan peruntukan Shariah dengan menghantar notis bertulis sewajarnya kepada Kami. Jika penama (atau penama-penama) meninggal dunia sebelum daripada Orang Yang Dilindungi, hak-hak tersebut akan dikembalikan kepada Anda.

PERUNTUKAN CARUMAN

NO BORANG:

CARUMAN DAN MATA WANG

Semua Caruman hendaklah dibuat kepada Kami pada atau sebelum tarikh Caruman perlu dibuat sebagai penukaran resit rasmi dikeluarkan oleh pihak Kami atau potongan yang dipaparkan dalam penyata akaun. Sebarang bentuk Caruman dan bayaran kepada Kami atau oleh Kami hendaklah dibuat dalam mata wang Malaysia yang sah.

PERUBAHAN MOD

Anda boleh menukar mod Caruman tertakluk kepada syarat-syarat Caruman minima Kami dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Caruman Anda boleh dibuat secara tahunan, separa-tahunan, suku-tahunan atau bulanan.

TEMPOH IHSAN CARUMAN

Tarikh bil adalah pada satu (1) hari bulan untuk setiap bulan. Anda mempunyai Tempoh Ihsan Caruman selama lima puluh (50) hari daripada tarikh bil untuk membuat Caruman. Sekiranya Anda tidak membuat Caruman sebelum Tempoh Ihsan Caruman berakhir, Sijil ini akan luput dan tertakluk kepada klausa penguatkuasaan semula.

TEMPOH IHSAN PERLINDUNGAN

Anda diberi Tempoh Ihsan Perlindungan selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh Caruman yang perlu dibuat bagi tuntutan yang tertakluk di dalam Sijil ini. Dalam tempoh ini, Sijil ini akan masih berkuat kuasa. Perlindungan akan terhenti sekiranya Caruman tertunggak tidak dibuat dalam tempoh ini.

YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah bermakna yuran yang dicaj oleh Kami sebagai Pengendali Takaful bagi menguruskan operasi perniagaan Takaful. Yuran Wakalah akan diaplikasikan selepas Caruman dibuat. Struktur yuran adalah seperti yang tertera di jadual Yuran Wakalah (LAMPIRAN 1).

CARUMAN

Caruman adalah tidak dijamin dan akan berdasarkan kepada kadar pada masa pembaharuan mengikut umur Orang Yang Dilindungi pada setiap ulangtahun Sijil.

Kami mempunyai hak mengubah kadar Caruman yang dikira, pada permulaan mana-mana Tahun Sijil, dengan syarat Kami memberi notis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh Caruman tersebut perlu dibuat berserta surat notifikasi merangkumi sebab perubahan.

Jika terdapat sebarang tunggakan pada Sijil ketika pembayaran manfaat, jumlah tunggakan akan ditolak dari pembayaran manfaat tersebut.

LAMPIRAN 1

NO BORANG:

Yuran Wakalah

Yuran yang dikenakan oleh Kami sebagai Pengendali Takaful untuk menguruskan operasi premiagaan Takaful. Yuran ini dikenakan semasa Caruman dibuat. Struktur yuran adalah seperti yang tertera di Jadual Yuran Wakalah di bawah. Yuran Wakalah adalah ditentukan sebagai peratusan daripada Caruman.

Yuran yang dicaj adalah seperti berikut:

Tahun Sijil	Yuran Wakalah % Caruman	Yuran Wakalah Setiap Sijil	Peruntukan ke APRP
1	30	RM50 setiap tahun	70% Caruman – RM50
2 & ke atas	20	RM30 setiap tahun	80% Caruman – RM30

Yuran Penguatkuasaan Semula

RM50.00 apabila dikuatkuasa semula

Kami berhak untuk menukar semua Yuran dan caj. Jika Kami bercadang untuk membuat perubahan, Kami akan memberikan Anda notis secara bertulis tiga (3) bulan sebelum tarikh ulangtahun Sijil berserta surat notifikasi merangkumi sebab perubahan.

PENGAGIHAN KEUNTUNGAN DAN LEBIHAN

PENGAGIHAN LEBIHAN DI APRP

Peserta* : Lima Puluh Peratus (50%)
Kami : Lima Puluh Peratus (50%)

*Hanya Peserta yang tidak membuat sebarang tuntutan dan dan/atau tidak menerima sebarang manfaat di bawah setiap jenis perlindungan di bawah Sijil ini semasa semasa ianya masih berkuat kuasa.